

## **SOAL JAWAB PENGUNDIAN POS DI LUAR NEGARA**

- 1. Siapakah rakyat Malaysia di luar negara yang layak memohon untuk mengundi secara pos ?**

Mereka yang telah berdaftar sebagai pemilih dan tinggal di luar negara kecuali mereka yang tinggal di Selatan Thailand, Singapura, Brunei dan wilayah Kalimantan Indonesia.

- 2. Adakah rakyat Malaysia yang tinggal di semua wilayah di Selatan Thailand tidak diberikan kemudahan untuk mengundi secara pos?**

Mereka yang tinggal di wilayah Narathiwat, Pattani, Yala, Songkhla dan Satun tidak diberikan kemudahan untuk mengundi secara pos.

- 3. Adakah rakyat Malaysia yang tinggal di seluruh Kalimantan Indonesia tidak diberikan kemudahan untuk mengundi secara pos?**

Ya. Mereka yang tinggal di seluruh Kalimantan Indonesia tidak diberikan kemudahan untuk mengundi secara pos.

- 4. Saya merupakan seorang penjawat awam yang bertugas di luar negara dan mempunyai pasangan. Saya tidak mendaftar sebagai Pengundi Tidak Hadir (PTH). Adakah saya layak memohon untuk mengundi secara pos?**

Ya. Anda dan pasangan layak memohon untuk mengundi secara pos kecuali anda bertugas di Singapura, Wilayah Selatan Thailand, Brunei dan Kalimantan Indonesia.

- 5. Saya merupakan seorang pelajar bersama pasangan di luar negara. Saya tidak mendaftar sebagai Pengundi Tidak Hadir (PTH). Adakah saya layak memohon untuk mengundi secara pos?**

Ya. Anda dan pasangan layak memohon untuk mengundi secara pos kecuali anda belajar di Singapura, Wilayah Selatan Thailand, Brunei dan Kalimantan Indonesia.

- 6. Apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada pengundi yang tinggal di luar negara untuk mengundi secara pos?**

Anda mesti pernah berada di Malaysia atau kembali ke Malaysia tidak kurang daripada 30 hari dalam tempoh 5 tahun sebelum tarikh pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri yang sedang berkuat kuasa.

**7. Bagaimana cara pengundi biasa yang tinggal di luar negara memohon untuk mengundi secara pos?**

Pengundi biasa yang tinggal di luar negara hendaklah mengisi Borang 1B. Borang ini boleh dimuat turun dari laman-web SPR. Permohonan melalui Borang 1B yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dihantar kepada Ibu Pejabat SPR di Putrajaya.

**8. Bagaimana cara pengundi biasa di luar negara menghantar Borang 1B?**

Borang 1B yang lengkap diisi boleh dihantar kepada Ibu Pejabat SPR melalui cara yang berikut ;

- a) melalui emel kepada upup@spr.gov.my ; atau
- b) melalui faks ke +603-8881 1201/ 1202 / 1187 / 1192 ;atau
- c) melalui pos ke alamat;

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia  
Aras 4-5, Blok C7, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62690 Putrajaya  
(Attn : Unit Pengurusan Undi Pos Luar Negara)

**9. Bilakah pengundi biasa yang tinggal di luar negara boleh membuat permohonan ?**

Permohonan melalui Borang 1B boleh dikemukakan bermula 21 Januari 2013.

**10. Bilakah permohonan mengundi secara pos ditutup?**

Permohonan mengundi secara pos dari luar negara ditutup pada hari pembubaran Parlimen. Permohonan yang diterima selepas jam 12.00 malam pada hari pembubaran Parlimen tidak akan diproses.

**11. Adakah SPR menyediakan garis panduan untuk mengisi Borang 1B?**

Ya. Garis panduan untuk mengisi Borang 1B boleh dimuat turun dari laman-web SPR.([www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my))

**12. Apakah yang dimaksudkan dengan Pejabat Pewakilan Malaysia dalam Borang 1B?**

Pejabat Pewakilan Malaysia ialah Kedutaan Besar Malaysia, Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Konsulat Jeneral Malaysia, Malaysian Friendship and Trade Centre Taipei, Taiwan dan

Perutusan Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Switzerland.

**13. Kenapa saya perlu mengisi maklumat tentang Pejabat Pewakilan Malaysia di dalam Borang 1B?**

Anda perlu mengisi butiran bandar dan negara dalam ruangan Pejabat Pewakilan Malaysia di dalam Borang 1B kerana SPR perlu menghantar Sampul Keutamaan yang mengandungi kertas undi pos kepada alamat Pejabat Pewakilan Malaysia di bandar dan negara yang dinyatakan oleh pemohon.

**14. Bagaimana cara saya mendapat maklumat mengenai Pejabat Pewakilan Malaysia di negara tempat saya tinggal?**

Anda boleh merujuk dalam laman-web SPR di [www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my).

**15. Jika saya tinggal di negara yang tidak mempunyai Pejabat Pewakilan Malaysia, adakah saya masih perlu mengisi butiran mengenai bandar dan negara dalam Borang 1B?**

Dalam Borang 1B, anda masih perlu mengisi butiran bandar dan negara dalam ruangan Pejabat Pewakilan Malaysia di negara yang paling hampir dengan negara dimana anda tinggal. Anda

boleh merujuk kepada laman-web SPR mengenai senarai negara dan Pejabat Pewakilan Malaysia yang berkenaan.

**16. Sekiranya saya membuat permohonan selepas tarikh penerimaan Borang 1B ditutup, adakah permohonan saya akan diproses?**

Sekiranya permohonan anda diterima selepas jam 12.00 malam pada hari pembubaran Parlimen atau mana-mana DUN, permohonan anda tidak akan diproses. Untuk mengundi dalam pilihan raya, anda perlu balik ke Malaysia untuk mengundi pada Hari Mengundi.

**17. Jika permohonan saya untuk mengundi secara pos ditolak, apakah sebabnya?**

Antara sebab-sebab permohonan untuk mengundi secara pos ditolak adalah seperti yang berikut;

- a) Bukan warganegara Malaysia;
- b) Belum mendaftar sebagai pemilih;
- c) Anda tidak berada di Malaysia atau kembali ke Malaysia untuk tempoh kurang daripada 30 hari dalam tempoh 5 tahun sebelum tarikh pembubaran Parlimen

atau Dewan Undangan Negeri yang sedang berkuat kuasa; dan

- d) Permohonan anda diterima oleh SPR selepas tarikh pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

**18. Adakah saya akan dimaklumkan oleh SPR mengenai sebab permohonan saya untuk mengundi secara pos ditolak?**

Ya. Anda akan dimaklumkan sebab-sebab permohonan anda untuk mengundi secara pos ditolak melalui emel, telefon atau faks.

**19. Bilakah tempoh 5 tahun untuk saya berada di Malaysia atau kembali ke Malaysia bermula?**

Anda perlu berada di Malaysia atau kembali ke Malaysia dikira bermula daripada 28 April 2008.

**20. Mengapakah tempoh 5 tahun itu bermula pada 28 April 2008?**

28 April 2008 adalah merupakan tarikh Parlimen (Dewan Rakyat) mengadakan Sidangnya yang pertama selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 pada tahun 2008.

**21. Bagaimana tempoh 30 hari itu dikira?**

Tempoh 30 hari anda berada di Malaysia atau kembali ke Malaysia dikira daripada tarikh 28 April 2008 sehingga tarikh permohonan Borang 1B diterima. Di dalam Borang 1B, anda perlu menyatakan tarikh-tarikh anda kembali ke Malaysia atau berada di Malaysia untuk tujuan mengesahkan sama ada kelayakan 30 hari dipenuhi seperti yang disyaratkan.

**22. Saya baru tinggal di luar negara selama 50 hari. Adakah saya layak memohon untuk mengundi secara pos?**

Ya. Anda layak untuk memohon untuk mengundi secara pos kerana sebelum itu anda berada di Malaysia tidak kurang dari 30 hari dalam tempoh 5 tahun sebelum pembubaran parlimen atau Dewan Undangan Negeri yang sedang berkuat kuasa.

**23. Sekiranya saya berada di luar negara dan pernah berada di Malaysia atau kembali ke Malaysia sebelum 28 April 2008, adakah saya layak memohon untuk mengundi secara pos?**

Tidak. Anda tidak layak memohon untuk mengundi secara pos kerana anda tidak pernah berada di Malaysia atau kembali ke Malaysia selama tidak kurang daripada 30 hari dalam tempoh 5

tahun sebelum tarikh pembubaran parlimen atau Dewan Undangan Negeri yang sedang berkuat kuasa.

- 24. Sekiranya saya hanya mengingati tahun tetapi lupa tarikh berada di Malaysia atau kembali ke Malaysia, apakah yang saya perlu lakukan?**

Anda boleh mengisi butiran bulan dan tahun anda berada di Malaysia atau kembali ke Malaysia. Walau bagaimanapun, SPR perlu menyemak tarikh-tarikh tersebut dengan Jabatan Imigresen Malaysia untuk pengesahan.

- 25. Adakah saya dapat mengetahui Borang 1B saya telah diterima oleh SPR?**

Ya. SPR akan memaklumkan penerimaan Borang 1B melalui emel atau telefon atau faks.

- 26. Bagaimakah cara saya dimaklumkan sama ada status permohonan saya dilulus atau ditolak?**

Anda akan dimaklumkan status permohonan sama ada dilulus atau ditolak selepas Hari Penamaan Calon. Walau bagaimanapun selepas anda menghantar permohonan melalui Borang 1B kepada

Ibu Pejabat SPR, anda dinasihatkan supaya sentiasa menyemak status permohonan anda melalui laman-web SPR.

- 27. Bagaimanakah saya mengetahui tarikh dan masa untuk datang ke Pejabat Pewakilan Malaysia untuk menerima Sampul Keutamaan yang mengandungi kertas undi?**

Anda akan dimaklumkan mengenai perkara itu melalui laman-web SPR. Oleh yang demikian, anda dinasihatkan supaya sentiasa menyemak laman-web SPR untuk mendapat apa-apa maklumat terkini berhubung jadual penerimaan Sampul Keutamaan yang mengandungi kertas undi yang tersebut.

- 28. Jarak antara tempat saya tinggal dengan Pejabat Pewakilan Malaysia adalah jauh dan memerlukan kos, siapakah yang akan menanggung kos berkenaan?**

Kos penjalanan dan apa-apa kos lain perlu ditanggung oleh anda sendiri.

- 29. Apakah dokumen yang saya perlu kemukakan untuk saya menerima Sampul Keutamaan yang mengandungi kertas undi pos di Pejabat Pewakilan Malaysia?**

Anda perlu mengemukakan Kad Pengenalan atau pasport yang *original* untuk anda mendapat Sampul Keutamaan yang mengandungi kertas undi.

- 30. Adakah saya boleh mewakilkan kepada pasangan atau saudara atau kawan saya untuk menerima Sampul Keutamaan bagi pihak saya?**

Hanya orang yang telah diluluskan sebagai pengundi pos sahaja yang boleh menerima Sampul Keutamaan yang mengandungi kertas undi.

- 31. Berapakah tempoh masa yang ditetapkan kepada Pejabat Pewakilan Malaysia untuk menyerahkan Sampul Keutamaan kepada pengundi di luar negara dan menerima kembali Sampul B yang mengandungi kertas undi pos untuk dihantar pulang ke Malaysia?**

Tempoh masa untuk menyerah Sampul Keutamaan yang ditetapkan oleh Pejabat Pewakilan Malaysia ialah satu hari. Pengundi pos di luar negara yang menerima Sampul Keutamaan dan kertas undi yang berkenaan digalakkan mengundi (membuat penandaan pada kertas undi) di Pejabat Pewakilan Malaysia yang berkenaan. Setelah penandaan pada kertas undi dibuat, kertas

undi yang telah ditanda itu hendaklah dimasukkan ke dalam Sampul A. Sampul A yang mengandungi kertas undi yang ditanda beserta Borang 2 (Borang Perisyiharan Identiti) hendaklah dimasukkan ke dalam Sampul Keutamaan B dan hendaklah digamkan sebelum dimasukkan ke dalam Karung Khas SPR yang disediakan di Pejabat Pewakilan Malaysia bagi tujuan penghantaran melalui beg diplomatik balik ke SPR di Putrajaya.

- 32. Sekiranya saya mengambil Sampul Keutamaan yang mengandungi kertas undi saya tidak pada hari yang ditetapkan oleh Pejabat Pewakilan, bagaimanakah Sampul Keutamaan B yang mengandungi kertas undi dihantar balik ke Malaysia?**

Jika anda mengambil Sampul Keutamaan yang mengandungi kertas undi tidak pada hari yang ditetapkan oleh Pejabat Pewakilan Malaysia, anda perlu menguruskan sendiri penghantarannya ke SPR Malaysia dan perlu menanggung kos penghantarannya. Sampul Keutamaan yang mengandungi kertas undi tersebut hendaklah sampai ke Pejabat Bahagian Pilihan Raya yang berkenaan sebelum jam 5.00 petang Hari Mengundi.

- 33. Saya telah menghantar permohonan untuk mendaftar sebagai pemilih, tetapi apabila membuat semakan di laman-web SPR saya mendapati nama saya tidak terdapat dalam Daftar Pemilih SPR?**

Jika nama anda tidak terdapat dalam Daftar Pemilih SPR, ini bererti bahawa anda belum lagi merupakan sebagai pemilih berdaftar. Semakan pendaftaran boleh dibuat melalui talian 603 88856565 atau laman-web SPR di [www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my).

- 34. Saya pemilih berdaftar yang sedang bercuti di luar negara. Adakah saya layak memohon untuk mengundi secara pos?**

Anda tidak layak. Mereka yang layak memohon untuk mengundi secara pos dari luar negara adalah terdiri daripada pemilih berdaftar yang tinggal di luar negara.